KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2003

30 Januari 2003
Bank Negara Malaysia telah melancarkan Program Pendidikan Pengguna "BankingInfo" untuk sektor perbankan. Program ini adalah satu langkah penting ke hadapan dalam usaha memodenkan sistem kewangan negara di samping merupakan salah satu daripada strategi Pelan Induk Sektor Kewangan bagi mempertingkatkan prasarana perlindungan pengguna.

6 Februari 2003
Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan duit syiling peringatan sempena Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke XIII yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 20-25 Februari 2003.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Laporan Tahunan 2002 yang memberikan analisis perkembangan ekonomi dan monetari bagi tahun 2002, serta unjuran prospek ekonomi negara bagi tahun 2003. Ia juga mengandungi Akaun Tahunan Bank pada akhir tahun 2002.

26 Mac 2003
Sebagai sebahagian daripada langkah berterusan untuk memastikan tersedianya dana yang mencukupi pada kos yang munasabah bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Bank Negara Malaysia telah mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan RM400 juta untuk Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2). Selain itu, beberapa inisiatif-inisiatif lain juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh IKS, termasuk menyuntik RM1 bilion ke dalam Syarikat Jaminan Kredit (CGC) bagi meningkatkan kapasitinya memberi jaminan. Bank juga telah menyusun semula ERF Sdn. Bhd. menjadi sebuah "badan bertujuan khusus (SPV)" untuk memberi pembiayaan dan khidmat nasihat kepada IKS Bumiputera.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengumumkan langkah liberalisasi lanjutan terhadap beberapa peraturan kawalan pertukaran asing, yang bertujuan memperbaiki suasana perniagaan di Malaysia dengan memberikan lebih fleksibiliti kepada pemastautin dan bukan pemastautin untuk mendapatkan dana ringgit, menguruskan dedahan kepada tukaran asing serta memperbaiki kecekapan operasi keseluruhan.

26 Mac 2003
Bank Negara Malaysia telah mengumumkan penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa untuk menyediakan pendekatan berfokus dan tersusun untuk pembangunan sumber manusia bagi pengurusan kanan dalam sektor kewangan. Bank akan memperuntukkan RM500 juta sebagai dana endowmen untuk menubuhkan pusat tersebut.